

06 JUL 2001

Umno-Anak

PROGRAM "ANAKKU AHLI UMNO" DIPERLUAS KE SELURUH NEGARA

SUNGKAI, 6 Julai (Bernama) -- Program "Anakku Ahli Umno" yang diperkenalkan Umno Tanjung Malim untuk menambah anggota parti itu akan diperluaskan ke seluruh negara, kata Ketua Pemuda Umno Datuk Hishammuddin Tun Hussein.

Beliau berkata program itu amat bersesuaian dengan seruan Presiden Umno Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang telah menetapkan tiga cabaran kepada anggota Pemuda baru-baru ini, termasuk setiap mereka mencari sekurang-kurangnya lima anggota baru.

Katanya program itu membolehkan tiga perkara dilakukan serentak, iaitu mencari anggota baru, mendaftar anggota sedia ada sebagai pemilih pilihan raya dan menyiapkan bilik gerakan Pemuda di setiap cawangan.

"Saya bangga dengan program ini...ini sesuatu yang unik. Ia sepatutnya dicontohi oleh cawangan dan bahagian lain di seluruh negara," katanya selepas melancarkan program anjuran Pemuda dan Wanita Umno Bahagian Tanjong Malim di Kampung Rahmat, Changkat Sulaiman di sini.

Hishammuddin berkata tanggungjawab mencari anggota baru terletak bukan sahaja di bahu Majlis Tertinggi, Pemuda, Wanita dan Bahagian tetapi setiap anggota Umno.

Katanya anggota Umno perlu menyemai semangat nasionalisme dan sifat perjuangan Umno pada anak-anak mereka bagi memastikan parti itu terus menjadi tunjang Barisan Nasional.

"Ini kita kena pupuk dari awal lagi. Arwah ayah saya (Tun Hussein Onn), bila berkahwin dulu, datuk (Datuk Onn Jaafar letak pelamin yang berlatarbelakangkan lambang Umno...begitu jitu sekali semangat Umnonya," kata beliau yang turut menunjukkan gambar persandingan itu kepada para hadirin.

Bapa Hishammuddin ialah Perdana Menteri ketiga manakala Onn adalah pengasas Umno.

Hishammuddin berkata anggota Umno, terutama Pemuda perlu menggandakan usaha mereka untuk memantapkan parti, terutamanya di peringkat akar umbi dan melupakan pergeseran sesama sendiri.

"Saya sendiri akan melantik dua atau tiga orang Exco untuk memantau Pergerakan Pemuda di seluruh negara bagi memastikan amanat Presiden parti dilaksanakan," katanya.

Katanya semua bahagian diminta memilih 40 kader yang akan diberikan latihan khusus untuk menghadapi parti lawan semasa pilihan raya umum nanti.

Ketua Pemuda bahagian Tanjong Malim, Mohd Khusairi Abdul Talib berkata sasaran kempen itu ialah setiap pasangan ibu bapa anggota Umno secara purata mendaftarkan tiga orang anak mereka sebagai anggota Umno.

Ketika ini, Umno Tanjong Malim mempunyai seramai 13,000 anggota dan bahagian itu berharap bilangannya akan meningkat kepada 50,000 menjelang tahun 2004.

Bahagian Umno yang mempunyai anggota terbanyak sekarang ialah Silam di Sabah dengan keanggotaan seramai 37,000.

Semasa program dua hari itu, pelbagai acara diatur seperti gotong-royong, sukan rakyat, soal selidik rumah ke rumah, khidmat doktor percuma dan derma darah serta taklimat penyediaan bilik gerakan.

-- BERNAMA

AR ZS LAT